

BULETIN PESARA

Suara Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil. 8 MAC 2019

No. Pendaftaran PPM 017-10-22092010

PERUTUSAN Pengerusi Persatuan Pesara UKM

Salam hormat daripada kami AJK Persatuan Pesara UKM (2015-2017). Bagi pihak ahli-ahli Persatuan Pesara UKM, kami mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan baru Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohammad, yang telah memenangi PRU-14 pada 9 hb. Mei 2018. Juga ucapan tahniah kepada YB Dr. Maszlee Malik yang dilantik sebagai Menteri Pendidikan yang baru bagi memikul tanggungjawab untuk membawa pembaharuan kepada visi dan misi pendidikan negara seperti yang di aspirasikan oleh Kerajaan baru Malaysia.

Dalam konteks ini UKM semestinya akan terlibat dalam proses pembaharuan ini, dan kami percaya ahli-ahli Persatuan mempunyai pengalaman dan kepakaran dan sentiasa bersedia untuk memberi sumbangan dan bantuan, jika diperlukan.

Setinggi-tinggi tahniah juga kami ucapkan kepada Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor yang telah dilantik sebagai Naib Canselor UKM yang baru dan diharapkan semoga jalinan yang erat di antara Persatuan dengan pentadbiran UKM bukan sahaja dapat diteruskan, malah dipertingkatkan lagi. Berbanyak-banyak terima kasih juga kami ucapkan kepada mantan Naib Canselor UKM, Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali yang telah banyak memberi sokongan dan bantuan kepada Persatuan untuk melaksanakan aktiviti-aktivitinya. Sebagai contoh, pihak Pentadbiran UKM telah memberi kebenaran kepada ahli-ahli Persatuan Pesara yang mempunyai kad pesara untuk menggunakan kemudahan kepunyaan UKM antaranya seperti kemudahan perubatan di HCTM, tempat penginapan untuk percutian di Langkawi atau di tempat-tempat lain serta kemudahan-kemudahan lain yang dikemaskinikan dari masa ke masa.

Persatuan juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada YB En. Omar Jaafar salah seorang AJK Persatuan yang telah dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka pada 19 Julai 2018 baru-baru ini.

Di samping itu dimaklumkan juga bahawa Persatuan mempunyai hubungan rapat dengan Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia. Persatuan juga sentiasa menjalin silaturahim dengan ahli-ahli dan bukan ahli melalui aktiviti lawatan dan menziarahi ahli-ahli dan pesara yang ditimpa musibah, uzur atau sakit di rumah atau pun di hospital.

Mutakhir penambahan ahli Persatuan adalah memberangsangkan. Alhamdulillah setakat ini terdapat seramai 363 orang ahli yang berdaftar dan aktif. Walau bagaimanapun kami mengharapkan lebih ramai lagi pesara-pesara UKM yang akan menjadi ahli persatuan selepas ini. Berbagai cara telah diusahakan untuk mencapai tujuan ini, antaranya penglibatan beberapa AJK dengan sesi penerangan dalam acara-acara anjuran UKM seperti dalam acara meraikan kakitangan-kakitangan yang akan bersara.

Ahli-ahli Persatuan Pesara juga boleh memainkan peranan untuk menarik lebih ramai rakan-rakan pesara menyertai Persatuan Pesara UKM, In Sya Allah. Bagi ahli-ahli pesara yang tidak aktif, mereka adalah digalakkan untuk terus mendaftar sebagai Ahli Seumur Hidup bagi mengelakkan kesukaran untuk membayar yuran tahunan.

Sidang editor Buletin:

- ✓ Zakaria Ismail (Dr) – Ketua
- ✓ Salmah Kasmani

PEGAWAI-PEGAWAI PERSATUAN 2017/2019

AJK (Majlis Pegawai Persatuan)
(*email: pesara@ukm.edu.my*)

Pengerusi

Anuwar Ali (Tan Sri Prof. Emeritus Dato' Dr.) (012 3202628)

Timbalan Pengerusi

Mohd. Wahid Samsudin (Dato' Dr.) (013 3357676)

Setiausaha

Abd. Talib Harun (019 3289426)

Penolong Setiausaha

Noraini Hussin (012 2149241)

Bendahari

Rosenaini@Rusnaini A. Saman (012 3349145)

AHLI JAWATANKUASA

- Ishak Arshad (Ir.) (019 3304270)
- Kamariah Mohd. Yusof (017 3193734)
- Mohammed Othman (012 2133136)
- Muhammad Yahaya (Prof. Emeritus Dato' Dr) (013 3357477)
- Omar Jaafar (012 2026496)
- Zakaria Ismail (Dr) (017 6140438)

Tugas-tugas Khas

- Baharudin Alang Ishak (012 6429793)
- Salmah Kasmani (012 3755899)

Juruaudit

- Laily bin Din (Prof. Emeritus Dato' Dr.) (012223024)
- Sabardin Ahmad (019 2456823)

BIRO-BIRO

Biro Penerangan/Penerbitan dan Kebajikan
Zakaria Ismail (Dr). Ketua

AJK Kecil Unit Penerangan/Penerbitan

- Zainal Abidin Hashim (Ketua)
- Jalilah Mail
- Khalis Md. Salleh
- Omar Jaafar

AJK Kecil Unit Kebajikan

- Kamariah Mohd. Yusof (Ketua)
- Mohammed Othman
- Nasarah Mohd. Tahir
- Ramli Mahmood (Sehingga 31.3.2018)
- Salmah Kasmani

Biro Riadah dan Lawatan

- Muhammad Yahaya (Prof. Emeritus Dato' Dr) (Ketua)
- Abd. Rahman Madon
- Ishak Hj. Arshad (Ir)
- Kamariah Mohd. Yusof
- Mohammed Othman
- Noraini Hussin
- Salmah Kasmani

PERLUASAN SKOP PENGGUNAAN KAD PESARA UKM

Jabatan Pendaftar UKM telah meluluskan skop penggunaan Kad Pesara UKM bagi mendapat kemudahan perkhidmatan di Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Cabang UKM.

Tarikh berkuat kuasa ialah 1 Januari 2016.

(MPU Bil. 11/2015 bertarikh 20 Oktober 2015)

PEMAKLUMAN PEMBERIAN KEMUDAHAN RAWATAN DAN PENGINAPAN

Pengurusan Universiti telah bersetuju untuk memberi beberapa kemudahan kepada pesara UKM iaitu:

- a. Pesara UKM layak mendapatkan perkhidmatan dan diskaun di Poliklinik UKM Kesihatan

- b. Pesara UKM dibenarkan menggunakan kemudahan penginapan di Pusat Latihan Tanjung Karang, Pusat Penyelidikan Tasik Chini dan Pusat Penyelidikan Langkawi

KHAIRAT KEMATIAN PENCARUM KWSP

Syarat untuk menuntut:

- Dituntut oleh waris terdekat. (Salah seorang dari pasangan atau ibu/bapa atau anak)
- Umur si mati semasa meninggal tidak lebih dari 60 tahun.
- Masih ada berbaki dalam akaun KWSP si mati walaupun sedikit.
- Tuntutan hanya boleh dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kematian.

WAD WARGA HTCM, PPUKM

Kelayakan:

1. Semua pesara UKM berpencen + pasangan
2. Pesara UKM skim KWSP untuk diri sendiri sahaja

Dokumen yang diperlukan:

1. Kad pesara yang dikeluarkan oleh JPA
2. Kad pesara yang dikeluarkan oleh UKM

TATACARA UNTUK MENDAPATKAN UBAT YANG BERBAYAR DI FARMASI NF

Tata cara:

1. Ambil borang Perubatan 1/09(1) (lebih dikenali borang JPA) di kaunter sebelah **Farmasi NF** (Pintu 2 HUKM)
2. Penuhi bahagian-bahagian yang perlu diisi oleh pesakit
3. Semasa pemeriksaan dengan Dr., tanya Dr yang merawat antara ubat yang akan dibekalkan ada tak yang kena bayar

4. Jika ada, minta Dr. isi dan sahkan borang JPA di atas.
5. Pergi ambil ubat di Farmasi (depan klinik Ortopedik) jika yang percuma mereka akan bagi terus dan jika ada yang kena beli mereka akan tandakan dan pesakit kena beli di **Farmasi NF**
6. Sebelum ke Farmasi NF, buat Salinan dokumen-dokumen berikut (2 atau 3 salinan – satu untuk **Farmasi NF**, satu atau dua untuk Salinan pesakit (tertakluk jika bekalan ubat yang akan kena ambil sekali atau 2 kali): (khidmat fotokopi ada di kaunter hadapan Farmasi NF)
 - Borang JPA yang telah dipenuhi oleh pesakit dan Dr. yang merawat
 - Kad pesara UKM
 - Perskepsi Ubat
7. Ambil no. giliran di **Farmasi NF** dan serahkan semua dokumen seperti para 6 di atas dan tunggu sehingga no di panggil.
8. Ambil ubat dan Selesai

Nota:

- *Ada juga akan terjadi, kehabisan ubat di Farmasi NF*
- *Pastikan pesakit mendapat satu Salinan setiap dokumen pada para 6 sama ada untuk rekod atau untuk mengambil ubat yang sama sebelum temu janji yang akan datang (jika ada) - sebab kadang-kadang farmasi NF akan bagi bekalan ubat untuk sekali dan ada kalanya mereka disuruh datang sekali lagi untuk mendapat baki ubat yang seharusnya pesakit dapat sebelum temu janji berikutnya.*

TATACARA BAGI TUNTUTAN PEMBELIAN UBAT-UBATAN YANG TERPAKSA DI BELI

- Isi borang Perubatan 1/09(1) (boleh ambil di kaunter berhadapan Farmasi NF atau muat turun dari laman web JPA)
- Dapatkan pengesahan doktor yang merawat
- Dapatkan resit pembelian dari farmasi
- Berserta salinan kad pengenalan dan kad pesara JPA lampirkan borang JPA dan resit pembelian ubat dan hantar ke Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar untuk mendapat kelulusan KKM
- Untuk tuntutan seterusnya (pastikan telah mendapat kelulusan KKM) bagi ubat yang sama, hanya resit sahaja perlu di hantar ke Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar, tidak perlu dokumen-dokumen lain.

URUSAN HAL-HAL PERSARAAN DI JPA

Semua urusan di Putrajaya hanya urusan kelulusan rekod perkhidmatan dan berkaitan dengan pekeliling perkhidmatan sahaja, manakala hal-hal mengenai urusan berkaitan persaraan perlu berurusan dengan KWAP

Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Aras 1 Sky Tech Tower 2

MKN Embassy Techzone,

Jln Teknokrat 2, Cyber 4

63000 Cyberjaya

Selangor. No. Tel: 03-8887 8777

KEMUDAHAN PERUBATAN UNTUK IBU BAPA YANG SAH KEPADA PESARA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN YANG PENCEN (SURAT EDARAN JPA RUJUKAN JPA800-8/2/109(2) BERTARIKH 22 DIS., 2017)

- UKM melalui suratnya UKM PDF/224/5 bertarikh 24 Mei 2018 telah memaklumkan bahawa atas sebab-sebab kekangan kewangan, LPU bil. 4/2018 bertarikh 19 April 2018 telah bersetuju untuk tidak menerima pakai garis panduan di atas.

JAMUAN HARI RAYA IDUL FITRI 1439/2018

Majlis diadakan pada 11 Julai 2018; jam 2.00 petang, bertempat di Dewan Gemilang, UKM.

BIRO PENERANGAN, PENERBITAN DAN KEBAJIKAN (BPPK)

Menziarahi Ahli dan Bukan Ahli yang uzur (Tahun 2018) :

Ahli

- Hj. Banhawi Mohamed (13.1.2018)
- Hj. Mohd Kalyubi (13.1.2018)
- Hj. Ghazali Abas (24.2.2018)
- Hj. Ramli Mahmud (25.2.2018)
- Nik Mohamad Nik Ismail (17.9.2018)
- Hj. Hashim Bin Ghafar (17.9.2018)
- Dr. Othman Omar (8.12.2018)
- Puan Nor Hamah Khalid (18.02.2019)

Bukan Ahli

- Hj. Raziap Yusof (18.1.2018)
- Dato Dr. Ariffin Aton (29.3.2018)
- Hj. Bakri Din (22.7.2018)
- Puan Zabedah Ahmad (31.12.2018)

Menziarah Keluarga Ahli/Ahli Pulang ka Rahmatullah dan Bukan Ahli (Tahun 2018)

- Allahyarhamah Hasmah Othman (Isteri Ahmad Jaidi)(2.1.2018)
- Allahyarham Hj. Raziap Yusof (27.1.2018)
- Allahyarham Hj. Ismail Hisham (18.2.2018)

- Allahyarham Hj. Ramli Mahmud (31.3.2018)-Ahli
- Allahyarham Ahmad Bin Hassan (13.4.2018)
- Allahyarham Fuat Mashuri (2.7.2018)

Sultan di Muscat Str. Singapura pada 21- 23 Januari 2019. Seramai 18 orang peserta termasuk ahli pesara menyertai lawatan ini.

Golf Amal:

- Golf amal telah diadakan pada 26 Nov 2017. Seramai 60 peserta mengambil bahagian dalam acara tersebut.

Aktiviti ini juga telah dapat menambah penajaan Persatuan hasil daripada sumbangan pemain dan pengiklan.

Kunjungan Hormat Dengan Y. Bhg. Prof. Datuk. Dr. A Rahman A Jamal - Pro Naib Canselor Kampus Kuala Lumpur KKL 24 Sept., 2018

Persatuan diwakili oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan beberapa orang AJK.

Perkara-perkara yang dibincangkan antaranya:

- Pesara diberikan lorong khas di Kaunter Klinik HCTM;
- Pesara dibenarkan menggunakan Wad Warga sekiranya terdapat kekosongan katil;
- Pusat Kesihatan UKM memberikan kemudahan rawatan kepada pesara;
- Layanan perkhidmatan hospital yang sama kepada semua pesara tanpa membezakan status jawatan atau gelaran;
- HCTM menyediakan kemudahan laluan kepada pesara/pesakit yang berkeperluan khas untuk hadir ke HCTM terutama dari tempat kenderaan ke Bangunan HCTM (contoh: escalator);
- Wakil Persatuan Pesara UKM turut dijemput semasa majlis meraikan pesara di Kampus KL.

BIRO RIADAH DAN LAWATAN

Riadah:

- Kerjasama dengan Persatuan Qigong Bangi- Senaman Qigong setiap Sabtu di Taman Cempaka BBB
- Kerjasama dengan Klinik Kesihatan Bandar Baru Bangi – Senamrobik setiap Jumaat jam 8.15 pagi atau setiap Rabu dan Jumaat jam 5.30 petang bertempat di kawasan parkir Klinik Kesihatan. Selain itu aktiviti lain seperti ceramah-ceramah kesihatan juga diadakan sekali sekala, begitu juga ujian paras gula dan tekanan darah bagi peserta

Lawatan:

- Kunjungan ke Lombok + Golf , telah diadakan pada 12-15 Mac 2018. Seramai 12 ahli pesara dan keluarga telah ikut serta.
- Lawatan ke Nasyrul Quran, Putrajaya pada 29 Ogos 2018, (kerjasama dengan Masjid Al-Umm). Lebih kurang seramai 40 orang peserta termasuk ahli Persatuan Pesara UKM.
- Kunjungan ke Surabaya + Golf, telah diadakan pada 5-9 Ogos 2018. Seramai 25 ahli pesara dan pemain golf telah mengambil bahagian.
- Lawatan ke Pulau Batam dan Pulau Bintan, Indonesia pada 21-25 Januari 2019. Seramai 20 peserta termasuk ahli pesara UKM dan pemain golf telah menyertai kunjungan ini.
- Lawatan ke Johor Baharu dan kunjungan muhibah dan perkongsian ilmu di Rumah Kebajikan Muhammadiyah, Bedok dan Masjid

MESYUARAT AGUNG PERSATUAN PESARA UKM

BIL. 8

21 MAC 2019 (KHAMIS)

9.00 PAGI

BILIK MESYUARAT SENAT, ARAS 5,
BANGUNAN CANSELORI, UKM BANGI

Antara agenda AGM kali ini ialah memilih dan melantik Ahli Jawatankuasa dan Juruaudit untuk tempoh dua tahun pelantikan yang akan datang

Sebarang usul boleh dikemukakan kepada Setiausaha Persatuan secara bertulis sebelum atau pada masa mesyuarat.

Semua ahli dipersilakan hadir.

Bakal ahli-ahli juga dipersilakan hadir dan boleh terus mendaftar pada hari tersebut namun begitu sesuai dengan Perlembagaan Persatuan anda belum boleh mengundi pada hari tersebut.

